

Peperiksaan Semester Kedua

Sidang Akademik 1998/99

Februari 1999

HMT 324/404 - Psikologi Bahasa

Masa: [3 jam]

KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI ENAM [6] SOALAN DI
DALAM DUA [2] HALAMAN.

Jawab LIMA [5] soalan sahaja.

Bahagian A

Jawab SEMUA soalan.

1. Huraikan mekanisme otak yang mendasari sistem penggunaan bahasa.
[20 markah]
2. Kemukakan dan jelaskan dasar teori behaviourisme dan teori mentalisme berkaitan pemerolehan bahasa.
[20 markah]
3. Menggunakan contoh daripada bahasa Melayu, huraikan secara ringkas perkara-perkara berikut.
 - (a) pemerolehan bahasa pertama, pemerolehan ulang, dan pemerolehan lewat.
 - (b) unsur-unsur yang diperolehi di dalam pemerolehan bahasa pertama di kalangan kanak-kanak.
 - (c) kerangka waktu pemerolehan bahasa.
 - (d) peringkat holofrasa di dalam pemerolehan bahasa pertama di kalangan kanak-kanak.[20 markah]

.../2

Bahagian B

Pilih **DUA** [2] soalan.

4. Jelaskan Model Bebas Linear dan Model Interaktif yang digunakan di dalam pemprosesan bahasa. Tunjukkan bukti-bukti dan eksperimen-eksperimen untuk kedua-dua model tersebut. Perlihatkan perbezaan dan persamaan kedua-dua model tersebut. Berikan contoh-contoh yang sesuai daripada bahasa Melayu dalam huraian anda.

[20 markah]

5. Huraikan anafora dan jenis-jenisnya. Tunjukkan bagaimana anafora dan anteseden berhubungkait antara satu sama lain. Jelaskan dua eksperimen yang digunakan untuk memperlihatkan kecepatan pemprosesan anafora. Gunakan contoh-contoh yang sesuai daripada bahasa Melayu.

[20 markah]

6. Jelaskan perbezaan dan persamaan EQ dan IQ. Mengapakah EQ lebih penting dari IQ dalam pemerolehan bahasa pertama? Pastikan anda kaitkan perbincangan anda dengan kepegasan linguistik dan kesilapan linguistik. Gunakan contoh-contoh yang sesuai daripada bahasa Melayu.

[20 markah]

- oooOOOooo -